



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

**PANDUAN PENGIKTIRAFAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA BAGI
PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**

**PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok Menara, Menara Usahawan
No. 18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 Putrajaya

No. Tel : **03- 8880 5202**

No. Faks : **03- 8880 5204**

KANDUNGAN

PENGENALAN.....	i
1. LATAR BELAKANG.....	1
2. PERMOHONAN PENGIFTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA.....	1
3. SYARAT-SYARAT PENGIFTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA PKK.....	3
3.1 SYARAT-SYARAT AM	3
3.2 SYARAT-SYARAT KHUSUS.....	4
3.3 PERINGATAN.....	7
4. LAWATAN PEMERIKSAAN PREMIS.....	8
5 PREMIS DAN ALAMAT OPERASI	9
6 PIAGAM PELANGGAN	11

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

SURAT PENGESAHAN BANK

AKUAN BERKANUN

SENARAI AHLI JAWATANKUASA/ AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH/
AHLI LEMBAGA KOPERASI

DIREKTORI PKK

PENGENALAN

Panduan ini adalah sebagai penerangan kepada kontraktor kerja berkaitan dasar dan tatacara permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera bagi Perolehan Kerja Kerajaan.

Usaha ini juga adalah bagi memastikan kontraktor Bumiputera yang menjalankan projek-projek Kerajaan adalah kontraktor Bumiputera yang tulen dan aktif serta memenuhi syarat-syarat yang digariskan dalam perolehan Kerajaan.

Kelulusan pengiktirafan penarafan ini tidak mengikat Kerajaan dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk menawarkan sebarang perolehan Kerajaan kepada syarikat.

Dengan panduan ini, diharap syarikat yang memohon untuk mendapatkan pengiktirafan Taraf Bumiputera lebih jelas dengan syarat yang telah ditetapkan dan memastikan dokumen-dokumen lengkap dikemukakan seterusnya melancarkan proses permohonan.

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Bagi maksud panduan ini, syarikat dirujuk sebagai Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Koperasi/ Persatuan/ Individu atau semua entiti yang diperbadankan/ didaftarkan di Malaysia.
- 1.2 Pengiktirafan ini adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 1.5 (PK1.5) Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera. Oleh yang demikian, syarikat pemohon perlulah memenuhi syarat yang telah ditetapkan bagi melayakkan syarikat mendapat pengiktirafan taraf Bumiputera.
- 1.3 Permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera untuk melayakkan syarat memperolehi Sijil Taraf Bumiputera (STB) hendaklah dibuat secara atas talian melalui *Centralized Information Management System* (CIMS) di laman sesawang cims.cidb.gov.my.
- 1.4 Bagi tujuan keselamatan maklumat, integriti dan urus tadbir korporat, permohonan pengiktirafan penarafan Bumiputera hendaklah dilakukan sendiri oleh syarikat.
- 1.5 Permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera adalah perkhidmatan yang ditawarkan secara **percuma tanpa sebarang caj**.
- 1.6 PKK tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian kepada syarikat melalui penggunaan cims.cidb.gov.my.

2. PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA

- 2.1 Pengiktirafan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hendaklah diperolehi atau diperbaharui terlebih dahulu sebelum memohon pengiktirafan taraf Bumiputera bagi mendapatkan STB seperti ilustrasi berikut:



- 2.2 Jenis-jenis permohonan STB adalah seperti berikut:
- (a) **Permohonan Baharu**
Permohonan Baharu adalah permohonan kali pertama bagi syarikat yang ingin mendapatkan STB. Sekiranya syarikat mendapat kelulusan, tempoh sah laku STB adalah tertakluk kepada tarikh yang tertera dalam sijil maya yang boleh dicetak sendiri oleh syarikat melalui Sistem CIMS.
- (b) **Pembaharuan**
Pembaharuan adalah permohonan yang telah berdaftar dengan dengan PKK sama ada STB masih dalam tempoh sah laku atau telah tamat tempoh.
- (c) **Perubahan Maklumat**
Perubahan maklumat adalah permohonan untuk membuat pindaan terhadap maklumat syarikat secara atas talian seperti perubahan gred, pertukaran alamat berdaftar, pemilik, pemegang ekuiti, ahli lembaga pengarah, penandatangan cek dan penama dalam sijil SPKK. Bagi perubahan alamat operasi syarikat boleh dibuat melalui perubahan di dalam profil syarikat.
- 2.3 Tempoh sah laku STB adalah selama tempoh kelulusan SPKK yang telah dikeluarkan oleh CIDB.
- 2.4 Semua jenis permohonan STB adalah secara atas talian dan boleh dicapai melalui laman sesawang cims.cidb.gov.my. Carta alir permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.
- 2.5 Kegagalan syarikat memuat naik dokumen mandatori dan sokongan bagi semua jenis permohonan boleh menyebabkan permohonan STB tidak dipertimbangkan. **Senarai semak** dokumen-dokumen yang diperlukan adalah seperti di **Lampiran B**.
- 2.6 Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen mandatori yang sama seperti semasa permohonan SPKK terdahulu.
- 2.7 Kesemua dokumen sokongan yang perlu dimuat naik hendaklah **terkini** (3 bulan daripada tarikh permohonan) serta menggunakan borang seperti **format yang disediakan** bersama-sama Panduan Pengiktirafan Sijil Taraf Bumiputera Bagi Perolehan Kerja Kerajaan ini.

- 2.8 Dokumen pengenalan diri berwarna bagi Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran bagi Pemegang Ekuiti, Ahli Lembaga Pengarah, Penama dalam Sijil atau mana-mana individu yang berkaitan syarikat untuk tujuan mendapatkan STB perlu dikemukakan semasa Permohonan Baharu STB atau Perubahan Maklumat.
- 2.9 PKK boleh mendapatkan dokumen sokongan yang berkaitan permohonan sekiranya maklumat lanjut diperlukan daripada pihak syarikat melalui panggilan telefon ataupun surat penolakan melalui Sistem CIMS.
- 2.10 Syarikat adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat dan dokumen yang sah bagi melancarkan proses kelulusan.

3. SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA PKK

3.1 SYARAT-SYARAT AM

- (a) Perubahan bentuk perniagaan syarikat **dibenarkan** dengan syarat SPKK telah dikeluarkan oleh CIDB;
- (b) Pengiktirafan taraf Bumiputera ini tertakluk kepada maklumat-maklumat yang telah dikemukakan oleh syarikat;
- (c) Syarikat wajib mengemukakan sebarang perubahan maklumat kepada PKK melalui Sistem CIMS. Sila ambil maklum bahawa permohonan perubahan maklumat di PKK hanya akan diterima dan diproses setelah syarikat membuat perubahan maklumat di CIDB terlebih dahulu;
- (d) Syarikat tidak dibenarkan berkongsi kakitangan di dalam premis yang sama;
- (e) Syarikat tidak dibenarkan berkongsi premis dengan syarikat Bukan Bumiputera. Manakala perkongsian premis dengan syarikat Bumiputera hendaklah mempunyai pengasingan yang jelas;
- (f) Syarikat hendaklah **mengisyiharkan alamat operasi dan nombor telefon yang boleh dihubungi pada bila-bila masa di dalam profil syarikat melalui Sistem CIMS** untuk membolehkan PKK menghubungi syarikat bagi sesi lawatan pemeriksaan premis;

- (g) Syarikat adalah dibenarkan untuk turun/ naik gred kecuali turun ke gred G1 Bumiputera; dan
- (h) Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan. Syarikat yang dikenakan tatatertib penggantungan STB dibenarkan untuk memperbaharui pengiktirafan STB sepanjang tempoh penggantungan bagi membolehkan projek sedia ada diteruskan tanpa sebarang masalah.

3.2 SYARAT-SYARAT KHUSUS

Syarikat hendaklah sentiasa menjamin pada setiap masa memenuhi syarat-syarat pengiktirafan Taraf Bumiputera seperti berikut:

- (a) Sekurang-kurangnya 51% ekuiti/ modal berbayar syarikat dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan ekuiti/ modal berbayar individu Bumiputera hendaklah melebihi ekuiti/ modal berbayar individu Bukan Bumiputera bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1;
- (b) Sekurang-kurangnya 51% daripada bilangan Ahli Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1;
- (c) Sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja syarikat iaitu kakitangan yang dicarum KWSP hendaklah terdiri daripada Bumiputera bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1;
- (d) Jumlah caruman KWSP secara kumulatif hendaklah dikuasai oleh Bumiputera bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1;
- (e) Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai 100% oleh Bumiputera;
- (f) Penama Dalam Sijil mestilah dikuasai oleh Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 51% bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1;

- (g) Sekiranya majoriti ekuiti/ modal berbayar syarikat dikuasai oleh syarikat lain, syarikat tersebut hendaklah mematuhi Perkara 3.2 (a), (b), (c) dan (d);
- (h) Jawatan-jawatan penting (*keypost*) hendaklah sekurang-kurangnya 51% terdiri daripada Bumiputera bagi gred G2 hingga G7, manakala 100% bagi gred G1. Senarai *Keypost* adalah seperti berikut:
 - (i) Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan yang setara dengannya; atau
 - (ii) Ketua-ketua seksyen/ unit/ teknikal/ kompeten sesebuah syarikat.
- (i) Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sekurang-kurangnya 51% oleh Bumiputera;
- (j) Penandatangan cek dan penama dalam sijil mestilah oleh individu yang mempunyai kaitan dengan syarikat sama ada pengarah, pemegang saham atau kakitangan yang dicarum KWSP;
- (k) Syarikat hendaklah mengemukakan penyata caruman KWSP yang lengkap, Borang A serta resit bayaran. Bagi syarikat gred G1 hingga G4 yang tidak mempunyai pekerja, surat makluman bertulis hendaklah disertakan semasa permohonan;
- (l) Syarikat gred G1 Bumiputera yang baru mendapatkan taraf Bumiputera selepas 1 September 2019, **tempoh maksimum kekal dalam gred G1 adalah selama 12 tahun**;
- (m) Syarikat gred G1 Bumiputera sedia ada sebelum 1 September 2019 dan **telah beroperasi melebihi 20 tahun hanya dibenarkan dua (2) kali pembaharuan pendaftaran dengan tempoh sah laku enam (6) tahun**;
- (n) Bagi syarikat gred G1 Bumiputera sedia ada sebelum 1 September 2019 dan kurang daripada 20 tahun beroperasi, perlu naik ke gred yang lebih tinggi **setelah mencapai tempoh 26 tahun beroperasi** dari tarikh berdaftar;

- (o) Pengiraan tempoh kekal di gred G1 adalah seperti berikut:

Tarikh Pendaftaran	Selepas	Sebelum	
	1 September 2019	1 September 2019	
Tempoh Operasi		Lebih 20 tahun	Kurang 20 tahun
Tempoh maksimum	12 tahun	6 tahun (2 kali pembaharuan)	26 tahun

- (p) Usaha sama di antara syarikat Bumiputera dan asing adalah dibenarkan yang mana syarikat hendaklah ditubuhkan di Malaysia dan pemilikan ekuiti Bukan Bumiputera dan asing tidak melebihi 49% bagi gred G2 hingga G7, manakala bagi syarikat gred G1 Bumiputera adalah tidak dibenarkan;
- (q) Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti yang melibatkan syarikat usaha sama di antara Bumiputera dan asing;
- (r) Taraf Bumiputera secara automatik diberikan kepada semua Agensi Bermandat Bumiputera peringkat induk seperti Badan-badan Berkanun atau syarikat-syarikat Kerajaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri yang bertujuan untuk menambahkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan;
- (s) Bagi anak-anak syarikat Agensi Bermandat Bumiputera, permohonan bagi taraf Bumiputera hendaklah dikemukakan kepada MOF atau PKK secara berasingan tertakluk memenuhi syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan;
- (t) Syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia atau syarikat yang sahamnya dimiliki oleh syarikat-syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia hendaklah memiliki surat pengesahan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bahawa syarikat layak diberikan taraf Bumiputera *Controlled Public Listed Company* (BCPLC) sebelum syarikat dinilai. Ekuiti Bumiputera bagi syarikat BCPLC berdasarkan syarat-syarat PKK mestilah selaras dengan syarat semasa MITI; dan
- (u) Sekiranya didapati pegangan saham Bumiputera Syarikat BCPLC tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, permohonan STB boleh ditolak dan STB sedia ada akan ditarik balik.

3.3 PERINGATAN

- (a) PKK boleh tidak meluluskan permohonan, menarik balik atau menggantung STB syarikat jika didapati:
 - i. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan tidak benar atau palsu;
 - ii. Syarikat enggan dan gagal mengemukakan maklumat apabila diminta;
 - iii. Syarikat didapati membenarkan STB digunakan oleh individu/syarikat lain;
 - iv. Melakukan pelanggaran syarat pengiktirafan Bumiputera yang dikeluarkan oleh PKK dan perolehan Kerajaan;
 - v. Syarikat didapati mensubkontrak tanpa kebenaran Pegawai Pengusa/ Pengarah Projek; dan
 - vi. Syarikat didapati mensubkontrak diluar had yang ditetapkan seperti berikut:
 - a. Gred G1 tidak dibenarkan sama sekali mensubkontrak kepada syarikat bukan Bumiputera;
 - b. Gred G2 hingga G7 dibenarkan mensubkontrak tidak melebihi 70% daripada nilai kerja pembina; dan
 - c. Semua subkontrak oleh pihak kontraktor tertakluk kepada perkara 3.3(a)(v).
- (b) Syarikat wajib mematuhi syarat-syarat kelulusan yang telah diberikan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (c) Pemberian taraf Bumiputera boleh ditarik balik, digantung atau tidak diluluskan oleh PKK sekiranya didapati syarikat tidak mematuhi syarat taraf Bumiputera yang ditetapkan;
- (d) Sila ambil maklum **permohonan Perubahan Maklumat yang ditolak** oleh PKK akan menyebabkan STB sebelum ini **TERBATAL** walaupun masih dalam tempoh sah laku dan menyebabkan syarikat tidak layak untuk memasuki mana-mana

perolehan Kerajaan yang memerlukan STB sebagai syarat perolehan;

- (e) Syarikat yang didapati mengemukakan dokumen/maklumat palsu, dipinda atau disalahguna bagi tujuan mendapatkan STB, permohonan tersebut akan ditolak dan permohonan berikutnya akan diproses selepas tiga (3) bulan dari tarikh penolakan permohonan; dan
- (f) Perbuatan atau percubaan untuk menawarkan atau memberi sesuatu suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana individu berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

4. LAWATAN PEMERIKSAAN PREMIS

- 4.1 Bagi memastikan ketulenan syarikat mematuhi syarat penarafan STB, lawatan pemeriksaan premis akan dilaksanakan bagi keadaan seperti berikut:
 - (a) Permohonan baharu bagi kontraktor gred G2 hingga G7;
 - (b) Permohonan perubahan maklumat yang melibatkan pertukaran alamat operasi;
 - (c) Permohonan naik gred daripada G1 Bumiputera (berdaftar selepas 1 September 2019) ke gred yang lebih tinggi; atau
 - (d) Permohonan yang melibatkan keraguan berdasarkan semakan dokumen.
- 4.2 PKK boleh menghubungi syarikat berhubung lawatan pemeriksaan premis yang akan dilaksanakan bagi semua jenis permohonan. Walau bagaimanapun, lawatan pemeriksaan premis tanpa notis boleh dilaksanakan oleh PKK ke atas syarikat yang telah memiliki STB pada bila-bila masa bagi keadaan berikut:
 - (a) Didapati terdapat keraguan melalui semakan CIMS atau menerima aduan awam ke atas syarikat; atau
 - (b) Bagi tujuan pemantauan ke atas pematuhan syarat penarafan Taraf Bumiputera.

- 4.3 Permohonan gred G1 Bumiputera adalah dikecualikan daripada lawatan premis bagi semua kategori permohonan kecuali bagi perkara 4.1 (b) dan (d) dan perkara 4.2.
- 4.4 Kesemua dokumen syarikat perlulah berada di premis dan akan disemak oleh PKK semasa lawatan pemeriksaan premis dilaksanakan.
- 4.5 Bagi semua jenis permohonan yang telah gagal sebanyak dua (2) kali berturut-turut dalam sesi lawatan pemeriksaan premis, permohonan STB yang seterusnya hanya akan diproses selepas enam (6) bulan daripada tempoh lawatan pemeriksaan premis yang terakhir.

5 PREMIS DAN ALAMAT OPERASI

- 5.1 Setiap syarikat yang memohon STB yang berdaftar di bawah **Registrar of Business (ROB)** bagi milikan tunggal/ perkongsian melalui Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan **Registrar of Companies (ROC)** bagi syarikat Sdn. Bhd./ Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016, premis hendaklah beroperasi di alamat seperti berikut:
 - (a) Syarikat hendaklah mempunyai pejabat operasi perniagaan yang sah sama ada milik sendiri atau sewa. Dokumen hak milik (sekiranya milik sendiri) atau perjanjian sewa yang dimeteri setem perlu dikemukakan sebagai bukti.
 - (b) Syarikat boleh beroperasi daripada pejabat perniagaan, rumah kediaman atau mana-mana premis sebagai pejabat perniagaan dengan mengisyiharkan alamat pengoperasian syarikat.
 - (c) Syarikat dibenarkan beroperasi daripada rumah pusaka/ keluarga/ saudara mara dengan kebenaran secara bertulis dan hendaklah mengemukakan bukti pemilikan/ kebenaran serta bil utiliti.
- 5.2 Setiap syarikat yang memohon STB yang berdaftar di bawah **Registrar of Business (ROB)** bagi milikan tunggal/ perkongsian melalui Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan **Registrar of Companies (ROC)** bagi syarikat Sdn. Bhd./ Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016, premis **tidak boleh** beroperasi di alamat seperti berikut:
 - (a) Syarikat tidak dibenarkan beroperasi menggunakan premis pejabat setiausaha syarikat (kecuali bagi setiausaha syarikat yang beroperasi bersekali dengan syarikat tersebut), pejabat syarikat percukaian, pasar, gerai, kantin, premis tidak kekal,

kuarters Kerajaan dan semua premis Kerajaan untuk berdaftar dengan PKK.

- (b) Syarikat tidak dibenarkan beroperasi menggunakan alamat pejabat maya (*online*), *mailing box office services* atau lain-lain premis dimana kesahihan dan keupayaan syarikat sukar ditentukan.
- 5.3 Syarikat hendaklah memastikan alamat syarikat beroperasi yang diisyiharkan perlu selari dengan alamat yang didaftarkan sama ada di dalam pendaftaran SSM, alamat surat-menyerat di dalam pangkalan data CIMS, alamat beroperasi yang diisyiharkan oleh syarikat pada mana-mana lesen operasi yang diperolehi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 5.4 Syarikat hendaklah mengisyiharkan alamat yang lengkap dan nombor telefon yang boleh dihubungi pada bila-bila masa.
- 5.5 Perkongsian premis dengan syarikat **Bukan Bumiputera** adalah **tidak dibenarkan**.
- 5.6 Syarikat **dibenarkan berkongsi premis yang sama** dengan syarikat Bumiputera bagi gred G1 hingga G4. Manakala bagi gred G5 hingga G7, perkongsian premis dibenarkan dan mestilah berlainan gred. Syarikat yang berkongsi premis hendaklah mempunyai pengasingan yang jelas.
- 5.7 Syarikat **tidak dibenarkan berkongsi kakitangan** di dalam premis yang sama.
- 5.8 Syarikat **perlu mempamerkan papan tanda kekal** di alamat premis syarikat beroperasi.
- 5.9 Premis perlulah menunjukkan syarikat bergiat aktif dalam menjalankan perniagaan yang dilakukan sesuai dengan gred yang dipohon.

6 PIAGAM PELANGGAN

- 6.1 Bagi **permohonan baharu** STB tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **21 hari** dalam tempoh bekerja, SPKK telah diluluskan dan selepas dokumen lengkap diterima. Tempoh ini adalah termasuk lawatan pemeriksaan premis yang dijalankan oleh Pegawai PKK;
- 6.2 Bagi **pembaharuan dan perubahan maklumat** STB tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **7 hari** dalam tempoh bekerja, SPKK telah diluluskan dan selepas dokumen lengkap diterima;
- 6.3 Bagi **gred G1 Bumiputera** tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **3 hari** dalam tempoh bekerja, SPKK telah diluluskan dan selepas dokumen lengkap diterima bagi permohonan baharu, pembaharuan dan perubahan maklumat; dan
- 6.4 Bagi permohonan dalam Perkara 6.2 dan 6.3 yang **memerlukan Pegawai PKK menjalankan lawatan pemeriksaan premis**, tempoh proses bagi mendapatkan kelulusan adalah selama **21 hari** dalam tempoh bekerja, SPKK telah diluluskan dan selepas dokumen lengkap diterima.

CARTA ALIR PERMOHONAN STB

<http://cims.cidb.gov.my/>

1

LOGIN KE DALAM CIMS

Gunakan ID dan Katalaluan yang daftarkan untuk memohon Perakuan Pendaftaran CIDB
Klik '**Registration**'; pilih '**New STB Registration / 'Renewal' / 'Up date'**'

2

PERMOHONAN STB

Pastikan syarikat anda mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan.
Lengkapkan permohonan STB:
Masukkan maklumat Bank Akaun dan Penandatangan cek
Masukkan maklumat syarikat berkenaan iaitu penyata caruman KWSP, Borang A KWSP dan bukti bayaran caruman.
Muatnaik dokumen sokongan wajib untuk permohonan STB seperti yang tertera di dalam **Lampiran B**

3

CETAK SIJIL STB

Permohonan STB akan diproses oleh pihak E **PKKK**
Keputusan permohonan boleh disemak melalui sistem CIMS
Kontraktor boleh cetak sijil maya STB
Tempoh sah laku sijil STB mengikut tempoh sah laku sijil SPKK semasa.

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK

DOKUMEN MANDATORI

Syarikat perlu memuat naik dokumen-dokumen mandatori dan sokongan seperti senarai semak ini bagi Permohonan Baharu, Pembaharuan Dan Perubahan Maklumat. Pihak PKK berhak menolak permohonan syarikat jika dokumen mandatori dan sokongan tidak dimuat-naik.

1. Kad Pengenalan (Berwarna) dan Surat Beranak/Sijil Kelahiran
 - i. Ahli Lembaga Pengarah;
 - ii. Pemegang Ekuiti (individu & individu dalam syarikat pemegang ekuiti);
 - iii. Penandatangan Cek;
 - iv. Penama dalam Sijil; dan
 - v. Perakuan Pengesahan Anak Negeri (Sekiranya perlu bagi Sabah & Sarawak)
 2. Surat Pengesahan Bank bagi tahun semasa.
(Sila gunakan format yang disediakan)
 3. Penyata Caruman KWSP dan Borang A berserta resit bayaran
 - Sekiranya Penama dalam Sijil atau Penandatangan Cek atau kedua-duanya bukan terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Ekuiti, penama hendaklah dicarum di bawah syarikat.
 - Semua maklumat Penyata Caruman KWSP hendaklah dipaparkan dengan jelas.
 - Terkini (3 bulan daripada tarikh permohonan).
 - Sekiranya syarikat tiada pekerja, surat makluman hendaklah dilampirkan.
 4. Carta Organisasi Syarikat yang lengkap (nama dan jawatan) dan terkini.
 5. Borang Pengakuan Pekerjaan (Akuan Berkanun)
(Sila gunakan format yang disediakan)
 - Sekiranya sedang bekerja dengan Kerajaan, Surat Kebenaran melakukan kerja luar (yang disahkan) hendaklah dilampirkan.
 6. Peta Lakar yang lengkap dengan mercu tanda dan nama jalan menuju ke premis
 7. Gambar hadapan premis
 8. Dokumen Pemilikan Premis Syarikat Beroperasi/ Geran/ Perjanjian Sewa yang dimeteri setem.
- **Bagi permohonan Perubahan Maklumat, dokumen yang perlu dikemukakan adalah tertakluk kepada jenis perubahan maklumat yang dibuat berdasarkan senarai Dokumen Mandatori seperti di atas.**

DOKUMEN SOKONGAN HENDAKLAH DILAMPIRKAN SEKIRANYA BERKAITAN

1. e-Info SSM yang terkini – 3 bulan daripada tarikh permohonan. (Bagi syarikat yang ekuiti dipegang oleh syarikat lain)
2. Salinan Resolusi Penandatangan cek yang terkini disahkan oleh Setiausaha Syarikat. (Bagi syarikat ROC)
3. Salinan Perjanjian Perkongsian yang dimeteri setem oleh LHDN. (Bagi syarikat ROC/ROB)
4. Borang B – Lesen perniagaan. (Bagi syarikat yang beroperasi di Sabah & Labuan)
5. Borang I – Ekstrak perniagaan dan Lesen Perniagaan. (Bagi syarikat yang beroperasi di Sarawak)
6. Borang CAP 64 dan R22. (Bagi syarikat yang beroperasi di Sarawak)
7. *Annual return* bagi satu tahun kewangan terkini yang disahkan SSM. (Bagi ekuiti syarikat yang dipegang oleh entiti syarikat lain)
8. Surat pengesahan MITI bahawa syarikat layak diberikan taraf *Bumiputera Controlled Public Listed Company (BCPLC)* – yang masih sah tempoh kelulusan. (Bagi syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia)
9. Minit Mesyuarat Tahunan. (Bagi syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS/ Koperasi/ Badan Amanah))
10. Undang-undang Tubuh/ Perlembagaan. (Bagi syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS/ Koperasi/ Badan Amanah))
11. Senarai Ahli Jawatankuasa/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Koperasi. (Bagi syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS/ Koperasi/ Badan Amanah))
(Sila gunakan format yang disediakan)
12. Penyata akaun bank terkini – 3 bulan daripada tarikh permohonan.

SURAT PENGESAHAN BANK

(Wajib Diisi)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Tuan/Puan,

NAMA BANK : _____
*NO. AKAUN SEMASA/ AKAUN SIMPANAN : _____
*(potong mana yang tidak berkenaan) : _____
NAMA SYARIKAT : _____

ADALAH DISAHKAN PENAMA-PENAMA BERIKUT YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI/ MENGURUS AKAUN-AKAUN/ CEK-CEK SYARIKAT BAGI AKAUN YANG DINAMAKAN DI ATAS.

BIL	NAMA	NO. K/P

TERMA DAN SYARAT PENANDATANGAN: _____

(WAJIB DINYATAKAN SYARAT PENANDATANGAN OLEH PIHAK BANK)

Disahkan oleh pihak bank:

TANDATANGAN :
NAMA :
JAWATAN :
TARIKH :
CATATAN :

COP BANK

Surat ini hendaklah disempurnakan dan disahkan oleh bank berkenaan. **Jika lebih dari satu akaun bank, sila buat salinan.** Pengisytiharan yang bercanggah dengan semakan PKK berhubung dengan maklumat perbankan syarikat akan menyebabkan permohonan syarikat tidak akan dipertimbangkan. Segala maklumat perbankan adalah sulit dan dalam kawalan PKK.

AKUAN BERKANUN

BORANG PENGAKUAN PEKERJAAN

Nota: Borang ini hendaklah diisi oleh SEMUA AHLI LEMBAGA PENGARAH, PEMEGANG EKUITI, PENANDATANGAN CEK & PENAMA DALAM SIJIL. (Sila buat Salinan borang ini jika tidak mencukupi).

* Baca dengan teliti dan potong mana-mana yang berkenaan.
Pilih dan potong sama ada *a) atau *b) dan tandatangan ringkas di hujungnya.

1. Saya, No. K/P Baru/
Lama **MENGAKU SECARA BERSUMPAH** dengan sebenarnya
pada masa ini,

- *a) Saya tidak bekerja dengan mana-mana Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Syarikat swasta lain kecuali syarikat kontraktor seperti berikut :

Nama Syarikat & Alamat : _____

No. Pendaftaran CIDB : _____
Jawatan : _____

- *b) Saya bekerja dengan *Jabatan Kerajaan/ Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun/ Syarikat swasta lain iaitu :

Nama Jabatan/ Majikan/ Syarikat : _____
No. Pendaftaran CIDB (Jika berkaitan) : _____
Jawatan : _____
Mulai/ Sejak : _____

2. Saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya akuan ini adalah benar dan menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Di hadapan saya,

(Tandatangan)

Ditandatangani dan diakui dengan
sesungguhnya oleh yang bernama
Di atas
Bertarikh

*Pesuruanjaya Sumpah/ Majistret/ Hakim
Mahkamah Seksyen

*(Potong mana yang tidak berkenaan)

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA/ AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH/
AHLI LEMBAGA KOPERASI**

Nama Pertubuhan : _____
 Alamat Pertubuhan : _____
 No. Telefon Pertubuhan : _____
 Tarikh Daftar Pertubuhan : _____
 No. Pendaftaran Pertubuhan : _____

BIL.	NAMA ALP	NO. K/P	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	JUMLAH SAHAM

*Sila kemukakan lampiran jika ruangan ini tidak mencukupi.

Jumlah Saham Keseluruhan	: RM _____	Jumlah ALP	: _____
Peratus Saham ALP	: _____%	Jumlah Ahli Biasa	: _____
Peratus Saham Ahli-Ahli Lain	: _____%	Jumlah ALP Bumiputera	: _____
Peratus Saham Ahli Bumiputera	: _____%	Jumlah Ahli Biasa Bumiputera	: _____
Peratus Saham Bukan Bumiputera	: _____%		

DISAHKAN:

(

*Tandatangan
) Nama & Jawatan*

TARIKH:

DIREKTORI PKK

Untuk maklumat lanjut sila berhubung dengan pejabat-pejabat Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di seluruh Malaysia seperti maklumat berikut:-

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
1.	IBU PEJABAT	<p style="text-align: center;">PENGARAH PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 5, BLOK MENARA, MENARA USAHAWAN NO. 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2 62652 PUTRAJAYA NO. TEL: 03-8880 5202 E-MEL: sptb.pkk@kuskop.gov.my</p>
2.	PERLIS	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PERLIS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, BANGUNAN PERSEKUTUAN PERSIARAN JUBLI EMAS 01000 KANGAR PERLIS NO. TEL: 04-976 9029/ 4364 E-MEL: pkkperlis@kuskop.gov.my</p>
3.	KEDAH	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI KEDAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI WISMA PERSEKUTUAN ARAS G, ZON C PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ANAK BUKIT 06550 BANDAR MUAZZAM SHAH KEDAH NO. TEL: 04-700 1425/ 1426 E-MEL: pkkkedah@kuskop.gov.my</p>

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
4.	PULAU PINANG	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN PULAU PINANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 8, BANGUNAN PERSEKUTUAN 10400 GEORGETOWN PULAU PINANG NO. TEL: 04-227 8901/ 04-226 4600 E-MEL: pkppinang@kuskop.gov.my</p>
5.	PERAK	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PERAK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 3, BLOK A BANGUNAN PERSEKUTUAN JALAN DATO' SERI AHMAD SAID 30450 IPOH PERAK NO. TEL: 05-253 9529 E-MEL: pkpperak@kuskop.gov.my</p>
6.	SELANGOR	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SELANGOR LOT F12 – F15, TINGKAT 1, BANGUNAN IDCC SHAH ALAM JALAN PAHAT L 15/L, SEKSYEN 15 40200 SHAH ALAM SELANGOR. NO. TEL: 03-5512 0130/ 0131 E-MEL: pksselangor@kuskop.gov.my</p>
7.	WILAYAH PERSEKUTUAN	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 5, BLOK PODIUM, MENARA USAHAWAN NO 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2 62652 PUTRAJAYA NO. TEL: 03-8880 5336/ 5338 E-MEL: pkkwp@kuskop.gov.my</p>

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
8.	NEGERI SEMBILAN	<p>PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 3, WISMA PERSEKUTUAN 70503 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN NO. TEL: 06-765 1616 E-MEL: pkkn9@kuskop.gov.my</p>
9.	MELAKA	<p>PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI MELAKA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ARAS 2, WISMA PERSEKUTUAN JALAN BUSINESS CITY, HANG TUAH JAYA 75450 AYER KEROH MELAKA NO. TEL: 06-234 5100 E-MEL: pkkmelaka@kuskop.gov.my</p>
10.	JOHOR	<p>PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI JOHOR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 6, BLOK B, WISMA PERSEKUTUAN JALAN AIR MOLEK 80000 JOHOR BAHRU JOHOR DARUL TAKZIM NO. TEL: 07-221 3967/ 3945/ 07-223 8012 E-MEL: pkkjohor@kuskop.gov.my</p>
11.	PAHANG	<p>PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI PAHANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, WISMA PERSEKUTUAN, JALAN GAMBUT, 25000 KUANTAN PAHANG NO. TEL: 09-516 4081 E-MEL: pkkpahang@kuskop.gov.my</p>

BIL.	CAWANGAN	ALAMAT
12.	TERENGGANU	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI TERENGGANU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI TINGKAT 1 DAN 3, WISMA PERSEKUTUAN JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU TERENGGANU NO.TEL: 09-623 2911 E-MEL: pkkterengganu@kuskop.gov.my</p>
13.	KELANTAN	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI KELANTAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI BLOK 226D & E, TINGKAT 1 DAN BAWAH WISMA SALMAH JALAN LANGGAR OFF JALAN SULTAN YAHYA PETRA 15200 KOTA BAHRU KELANTAN NO. TEL: 09-744 9223 E-MEL: pkkkelantan@kuskop.gov.my</p>
14.	SABAH	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SABAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI SUITE 5-04, 5TH FLOOR MENARA MAA, LORONG API-API 1, PETI SURAT 41 88000 KOTA KINABALU SABAH NO. TEL: 088-267 791 E-MEL: pkksabah@kuskop.gov.my</p>
15.	SARAWAK	<p style="text-align: center;">PENGARAH NEGERI PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR CAWANGAN NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI TINGKAT 9, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR JALAN SIMPANG TIGA 93592 KUCHING SARAWAK NO. TEL: 082-424 850 E-MEL: pkksarawak@kuskop.gov.my</p>